

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PENUTUP MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA
DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
24 APRIL 2000

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan persekutuan pengurus-pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM) kerana, sudi menjemput saya kepada upacara penutup minggu saham amanah Malaysia yang pertama ini. Minggu saham amanah Malaysia yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri kita pada 20 April lalu dan telah berlangsung selama 5 hari merupakan lanjutan daripada kejayaan PNB menganjurkan "minggu pelaburan bersama PNB" pada bulan Jun tahun lalu. Bermula dari tahun ini minggu saham amanah Malaysia akan menjadi agenda tahunan negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada PNB dan FTUTM atas usaha dan kesungguhan mereka dalam menganjurkan minggu saham amanah Malaysia. Saya telah difahamkan bahawa minggu saham amanah Malaysia ini telah berjaya mencapai matlamatnya sebagai medan untuk mendidik dan menggalakkan masyarakat membuat pelaburan dalam saham amanah. Minggu saham amanah Malaysia yang julung-julung kalinya diadakan ini disemarakkan lagi dengan penyertaan oleh pengurus-pengurus saham amanah dan syarikat-syarikat pelaburan PNB yang menawarkan pelbagai maklumat berkaitan dengan pelaburan dan industri saham amanah.

Saudara-saudari sekalian,

Minggu saham amanah Malaysia adalah idea yang amat baik dan wadahnya bertepatan dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang pelaburan di dalam saham-saham amanah di kalangan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat. Melabur dalam saham-saham amanah merupakan suatu kaedah menyimpan untuk jangka masa panjang. Saham amanah seperti juga lain-lain bentuk pelaburan mempunyai risiko dan potensi keuntungan yang tersendiri. Namun begitu risiko melabur dalam saham amanah dapat dikurangkan kerana adanya pilihan untuk melabur dalam saham-saham amanah yang diurusniagakan pada harga tetap. Sebagai contoh pelaburan boleh dibuat di dalam skim amanah saham Bumiputera dan saham amanah Malaysia, iaitu dana saham amanah baru yang diuruskan oleh PNB.

Kerajaan sentiasa menggalakkan sikap menabung dan berjimat-cermat dalam berbelanja. Malah, rakyat negara ini mempunyai pelbagai pilihan serta cara untuk menabung dan menyimpan wang. Melalui sikap suka menyimpan atau menabung, kita secara tidak langsung membantu negara mengumpulkan dana dengan lebih berkesan, bagi tujuan pembangunan dan perkembangan ekonomi yang kemudiannya memberi keuntungan kepada setiap pihak melalui pulangan yang diterima dan kemudahan prasarana yang disediakan.

Usaha seperti minggu saham amanah ini perlu digembleng setiap masa oleh semua pengurus-pengurus saham amanah agar keberkesanannya tampak lebih nyata. Pembangunan industri saham amanah yang masih baru di kalangan rakyat Malaysia memerlukan usaha yang berterusan daripada semua pihak bagi meningkatkan

kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang kebaikan melabur dalam saham amanah.

Saya juga percaya bahawa dengan pengalaman dan kemahiran yang ada, PNB dan FTUTM mampu menerajui dan memajukan industri saham amanah. Tambahan pula, dalam keadaan kita sedang menuju era globalisasi dan perkembangan teknologi, pelbagai cabaran dan persaingan bakal kita tempuhi. Dalam pada itu industri saham amanah perlu membangun seiring dengan perkembangan semasa, malah untuk mencapai matlamat ini perlu ada usaha yang tidak mengenal jemu daripada semua pihak yang terlibat dalam industri ini untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan ke tahap yang lebih cekap dan berkesan lagi.

Anjuran minggu saham amanah Malaysia adalah sehaluan dan bertepatan dengan hasrat untuk memperkembangkan industri ini dan tidak dapat dinafikan akan betapa besar sumbangannya. Gabungan PNB dan FTUTM sebagai penganjur bersama dalam menjayakan minggu saham amanah Malaysia mencerminkan kepekaan dan keprihatinan pihak-pihak tersebut untuk sama-sama memikul tanggungjawab mendidik masyarakat serta memperkembangkan industri ini. Adalah menjadi harapan saya agar usaha murni ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan pada setiap tahun.

Saudara-saudari sekalian,

Kerajaan sentiasa membuka peluang kepada rakyat untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup. Peluang pelaburan dalam saham amanah turut merupakan suatu kesempatan yang sedemikian. Sejak skim Amanah Saham Nasional (ASN) diperkenalkan pada tahun 1981, pelaburan dalam saham amanah telah meningkat, disebabkan faedah yang dapat diperolehi melalui pelaburan tersebut dalam keadaan ekonomi yang bertumbuh dengan pesat.

Faedah ini bukan sahaja datang daripada dividen yang diberi oleh skim-skim berkenaan, malah turut juga terhasil daripada rancangan kewangan masa depan yang lebih bijak. Skim saham amanah yang terbuka kepada kanak-kanak dan orang muda merupakan pelaburan untuk masa hadapan mereka kerana wang yang terkumpul itu boleh digunakan untuk pendidikan pada peringkat universiti atau sebagai modal untuk memulakan perniagaan.

Kerajaan telah mendapati bahawa skim saham amanah seperti ASN telah berjaya membangunkan golongan bumiputera, selaras dengan matlamat dasar ekonomi baru. Skim ASN dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) telah memberi golongan bumiputera peluang untuk menyertai pembangunan ekonomi negara dan juga untuk menerima faedah dan keuntungan dari pembangunan ini. Skim-skim seperti asn dan asb membuktikan komitmen kerajaan untuk mewujudkan pembangunan dalam pengertian umum atau broad based development supaya semua lapisan masyarakat akan di beri peluang untuk menerima keuntungan daripada pembangunan ekonomi negara.

Dengan pengenalan Amanah Saham 2020 dan juga Amanah Saham Malaysia yang terbuka kepada semua rakyat, kerajaan berharap bahawa pengagihan semula aset ekonomi dapat membawa manfaat kepada lebih ramai lagi pelabur tanpa mengira bangsanya. Dengan memperluaskan skim-skim yang diuruskan oleh PNB, kerajaan dapat meneruskan objektif untuk menyediakan skim pelaburan jangka panjang kepada seluruh rakyat.

Di samping itu, pelaburan dalam skim saham amanah merupakan pelaburan yang selamat dan mempunyai risiko yang rendah. Dalam era ekonomi baru atau new economy pasaran-pasaran saham dunia akan mengalami ketidakpastian kerana perkembangan pesat fenomena dot com atau syarikat-syarikat berasaskan teknologi maklumat. Jika pelabur ingin mengelak dari mendapat kerugian akibat perubahan harga saham yang terlalu cepat seperti dalam pergolakan pasaran yang baru-baru ini berlaku, saham amanah adalah pilihan yang bijak. Rancangan kewangan jangka panjang yang di sediakan oleh skim-skim saham amanah merupakan cara yang paling sesuai untuk pelabur yang berjimat-cermat dan berpandangan jauh.

Saya harap bahawa skim-skim saham amanah boleh menarik ramai lagi pelabur daripada golongan pendapatan rendah. Mereka harus dilengkapkan dengan maklumat dan penerangan mengenai faedah melabur dalam saham amanah. Kita tidak mahukan satu keadaan di mana kejayaan ekonomi negara tidak dapat dikongsi dan dinikmati semua golongan masyarakat. Program pembangunan rakyat termiskin amanah saham bumiputra adalah satu inisiatif yang menggalakkan bagi meningkatkan penyertaan golongan tersebut dalam pelaburan saham amanah. Saya juga berharap bahawa PNB boleh mengadakan lebih banyak `road show' ke kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan desa supaya maklumat terkini dapat diberi mengenai skim-skim saham amanah dan juga pasaran saham, serta keadaan ekonomi semasa.

Keyakinan kerajaan terhadap potensi industri saham amanah di negara ini boleh kita lihat melalui peningkatan bilangan syarikat-syarikat pengurusan saham amanah dan pelancaran skim-skim saham amanah baru. begitu juga dengan persetujuan kerajaan membenarkan PNB melancarkan yang bukan sahaja menambahkan alternatif pelaburan dalam saham amanah kepada masyarakat Malaysia, tetapi juga diharap dapat membantu mempercepatkan proses pembangunan sosio-ekonomi negara dan pencapaian wawasan 2020.

Saudara-saudari sekalian,

Dalam dunia yang semakin mencabar ini, sumber tenaga manusia yang terlatih dan terdidik merupakan aset utama dalam memikul tanggungjawab membangunkan sebuah negara pada masa hadapan. Pendidikan berterusan yang dilaksanakan oleh PNB dan FTUTM menjadi teras ke arah usaha meningkatkan bilangan tenaga mahir dalam bidang pelaburan dan industri saham amanah. Program pendidikan yang dilaksanakan oleh PNB, meliputi hampir semua peringkat, bermula dengan pelajar-pelajar sekolah rendah hingga pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan para profesional.

Saya difahamkan bahawa pada awal tahun 1994, PNB telah mengorak langkah dalam dunia pendidikan dengan pelancaran program bijak sifir untuk pelajar-pelajar sekolah rendah. Program ini merupakan antara usaha untuk memupuk minat dan memperbaiki kelemahan pelajar-pelajar sekolah rendah dalam mata pelajaran matematik melalui pendekatan pendidikan dalam bentuk hiburan atau "edutainment". Ini diikuti projek sekolah angkat maktab perguruan, projek asrama PNB dan biasiswa pendidikan untuk pelajar-pelajar cemerlang lepasan sijil peperiksaan Malaysia untuk melanjutkan pendidikan a- level dan seterusnya ke peringkat ijazah di universiti- universiti terkemuka di luar negara. Penubuhan PNB investment institute dengan kerjasama securities institute education, australia, pula menawarkan kursus- kursus jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang

kewangan dan pelaburan.

FMUTM pula mengawal selia aktiviti dan industri saham amanah memastikan mereka-mereka yang terlibat dalam industri ini mempunyai kelayakan yang diperlukan melalui pengambilan peperiksaan dan ujian dalam bidang-bidang tertentu. Adalah menjadi harapan saya agar PNB dan fmutm terus mencari dan menggunakan kaedah-kaedah yang kreatif dan inovatif di masa-masa akan datang untuk merangsang pendidikan dan pemahaman tentang industri saham amanah.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan syabas kepada PNB dan FMUTM selaku penganjur bersama serta semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam menjayakan minggu saham amanah Malaysia. Saya yakin minggu ini telah mencapai matlamatnya dan telah memberi manfaat kepada mereka yang terlibat secara langsung mahuupun kepada orang ramai yang mengunjungi pameran dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang minggu saham amanah Malaysia.

Akhirnya, dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya menutup minggu saham amanah Malaysia ini.

Terima kasih.